



# PELAN TINDAKAN INOVASI BATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA 2015 - 2017

جباتن كحاكمن شرعية مليسيا  
**JKSM**  
SYARIAH ASAS KEADILAN



# PELAN TINDAKAN INOVASI JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA 2015 - 2017

## Kandungan

## Muka Surat

1.	<b>Perutusan Ketua Pengarah / Ketua Hakim Syarie</b>	<b>3</b>
2.	<b>Ringkasan Eksekutif</b>	<b>5</b>
3.	<b>Pengenalan</b>	<b>6</b>
4.	<b>Latar Belakang Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia</b>	<b>7</b>
5.	<b>Carta Organisasi</b>	<b>11</b>
6.	<b>Fungsi dan Peranan</b>	<b>12</b>
7.	<b>Punca Kuasa</b>	<b>13</b>
8.	<b><i>Stakeholders</i> dan Pelanggan</b>	<b>14</b>
9.	<b>Visi</b>	<b>15</b>
10.	<b>Misi</b>	<b>16</b>
11.	<b>Motto</b>	<b>17</b>
12.	<b>Struktur Jawatankuasa Pemandu Inovasi JKSM</b>	<b>18</b>
13.	<b>Teras Pembudayaan Inovasi JKSM</b>	<b>19</b>
14.	<b>Penutup</b>	<b>26</b>

## PERUTUSAN KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, terlebih dahulu saya merafa`kan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T atas limpah kurniaNya yang telah memberi ruang dan kelapangan kepada kita bagi menghasilkan satu dokumen Pelan Tindakan Inovasi Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bagi tempoh masa 2015 - 2017.

Setiap organisasi harus sentiasa berubah mengikut perkembangan keadaan semasa. Sekiranya sesebuah organisasi masih berada di takuk lama tanpa melakukan perubahan ke arah kecemerlangan nescaya sesebuah organisasi itu tidak akan mampu untuk berjalan seiring dengan perubahan semasa.

Saya amat berbesar hati dan merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia serta Bahagian Latihan JKSM yang telah berjaya bekerjasama dengan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) bagi mengadakan bengkel mewujudkan Pelan Tindakan Inovasi JKSM. Output dari bengkel tersebut telah membantu JKSM dalam usaha membangunkan dan memuktamadkan Pelan Tindakan Inovasi JKSM untuk tempoh masa 2015 - 2017.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat khususnya Encik Saiful Yazan bin Alwi daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) selaku penceramah dan juga fasilitator sepanjang bengkel diadakan. Tidak lupa juga kepada semua pegawai dan pengurusan tertinggi JKSM

yang terlibat dalam membangunkan Pelan Tindakan Inovasi JKSM. Saya berharap Pelan Tindakan Inovasi JKSM akan menjadi satu dokumen penting ke arah pelaksanaan peranan yang lebih fokus, terancang dan sistematik. Pelan Tindakan Inovasi JKSM merupakan satu perancangan yang dirancang bagi memastikan inovasi diamalkan seterusnya dibudayakan di organisasi. Bagi tujuan tersebut, pelbagai aspek penting akan diambil kira bagi memantapkan keberkesanan pengurusan sesebuah organisasi terutamanya dari sudut tadbir urus terbaik, meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan dan tidak terkecuali untuk pemantapan pengurusan sumber manusia.

Akhir sekali, saya berharap agar Pelan Tindakan Inovasi JKSM memberikan panduan kepada semua pegawai-pegawai dan kakitangan JKSM dalam memastikan program dan aktiviti inovasi berjalan secara berterusan dalam pelbagai dimensi dan bukan hanya mencakupi prosedur kerja supaya terus relevan dan selari dengan keperluan semasa.

Saya yakin dengan semangat dan kerjasama semua pihak, pembudayaan inovasi di JKSM akan menjadi realiti.

Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dr. Ibrahim Lembut  
Oktober 2015

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan JKSM berperanan sebagai agensi penyelarasan pentadbiran kehakiman Syariah di Malaysia yang lebih gemilang dan berinovasi, maka satu Pelan Tindakan Inovasi JKSM 2015 - 2017 diwujudkan.

Pelan Tindakan Inovasi merupakan garis panduan halatuju dan memperkukuhkan sistem penyampaian JKSM dalam menerajui organisasi kehakiman Syariah ke arah perubahan atau tranformasi jabatan yang lebih cemerlang. Pelan ini mengandungi misi, visi, objektif, fungsi serta peranan dan pelan tindakan bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai perancangan dan pelaksanaan pembaharuan JKSM yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan bagi tempoh dua (2) tahun akan datang.

Pelan Tindakan Inovasi merupakan landasan bagi pembudayaan inovasi di JKSM. Antara objektif inovasi yang digariskan untuk merealisasikan visi dan misi yang telah ditetapkan dalam tempoh tersebut ialah:

- a) Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan komitmen warga Jabatan dalam usaha menjadikan inovasi sebagai suatu budaya dalam organisasi;
- b) Sebagai garis panduan dari segi pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi dan kreativiti yang dilaksanakan JKSM;
- c) Menggalakkan perkongsian ilmu, menyelaraskan dan mengumpul semua hasil inovasi Jabatan dan melaporkan kepada Hab Inovasi Sektor Awam;
- d) Mewujudkan suatu mekanisme dan saluran bagi membolehkan warga dan pelanggan Jabatan mengemukakan idea-idea dan cadangan ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan;
- e) Menggalakkan persaingan sihat dan meningkatkan minat serta penglibatan warga Jabatan dalam penghasilan idea dan produk inovasi; dan
- f) Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan inovasi yang bernilai dan berimpak tinggi.

Setiap objektif inovasi akan dilaksanakan melalui beberapa pelan tindakan yang akan diperincikan dalam Pelan Tindakan Inovasi ini. Intipati Pelan Tindakan Inovasi JKSM ini akan menjadi panduan penyeragaman bagi Pelan Tindakan Inovasi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri (JKSN) dan Mahkamah Syariah Negeri (MSN) seluruh Malaysia.

## **PENGENALAN**

Pelan Tindakan Inovasi JKSM dibangunkan selaras dengan saranan YAB Perdana Menteri dalam perutusannya sempena Konvensyen Majlis Perdana Perkhidmatan Awam (MAPPA) Ke-11 yang mengusulkan agar penjawat awam berfikiran kritis, konstruktif dan berinovatif dalam menunaikan tanggungjawab dan amanah. JKSM mendokong saranan tersebut terutamanya “mendahulukan rakyat dan mengutamakan pencapaian” melalui keberhasilan, produktiviti dan kreativiti, inovasi dan anjakan berganda.

Pembudayaan kreativiti dan inovasi merupakan antara 4 nilai asas dalam pelengkap kepada 4 tonggak utama di bawah Misi Nasional. Pelan Tindakan Inovasi ini telah disediakan bagi mencapai matlamat tersebut dan merealisasikan saranan YAB Perdana Menteri yang menyarankan perkhidmatan awam menjana kreativiti dan melaksanakan inovasi sebagai wacana dalam meningkatkan kecekapan sistem penyampaian kerajaan. Budaya inovasi juga merupakan pendekatan dalam gerakan transformasi sektor awam di samping menyokong agenda peningkatan daya saing negara bagi mencapai Wawasan 2020 yang mengiktiraf Malaysia sebagai negara maju dan berpendapatan tinggi.

Perubahan globalisasi, teknologi dan persekitaran telah menyebabkan tuntutan dan kehendak pelanggan semakin meningkat. Ini bermakna perkhidmatan awam hendaklah lebih responsif dan mentransformasi amalan sedia ada bagi meningkatkan tahap penyampaian agar lebih cekap dan berkesan dalam menepati kehendak senario baru ini. Dengan wujudnya kaedah dan pendekatan baru ini, diharap pembudayaan inovasi di JKSM dapat diterapkan dalam budaya organisasi dan budaya kerja JKSM.



## **Objektif Inovasi**

Pelan Tindakan Inovasi ini merupakan landasan bagi pembudayaan inovasi di JKSM.

Objektif-objektif bagi pelan ini adalah seperti berikut:

- a. Meningkatkan kesedaran, kefahaman dan komitmen warga JKSM dalam usaha menjadikan inovasi sebagai suatu budaya dalam organisasi;
- b. Sebagai garis panduan dari segi pengurusan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian aktiviti inovasi dan kreativiti yang dilaksanakan di JKSM;
- c. Menggalakkan perkongsian ilmu dengan menyelaraskan dan mengumpul semua hasil inovasi pejabat dan melaporkan kepada Hab Inovasi Sektor Awam;
- d. Mewujudkan suatu mekanisme dan saluran bagi membolehkan warga dan pelanggan jabatan mengemukakan idea dan cadangan ke arah penambahbaikan penyampaian perkhidmatan;
- e. Menggalakkan persaingan sihat dan meningkatkan penglibatan serta minat warga dalam penghasilan inovasi;
- f. Memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada individu atau kumpulan yang berjaya menghasilkan inovasi yang bernilai dan berimpak tinggi

## **Tafsiran Inovasi**

Mengikut panduan meningkatkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam yang dikeluarkan oleh MAMPU melalui surat MAMPU.BIP.100-1/(23) bertarikh 29 Januari 2010, elemen-elemen yang terkandung dalam takrifan inovasi adalah seperti berikut :-

- a. Cetusan idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan;
- b. Idea radikal dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau diadaptasi untuk kegunaan mengikut keperluan jabatan/ agensi;
- c. Berkait rapat dengan sistem penyampaian perkhidmatan serta menambah nilai output semasa; dan
- d. Membawa perubahan dan transformasi kepada amalan sedia ada dan berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

## **LATAR BELAKANG JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA**

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) ditubuhkan pada 1 Mac 1998 berdasarkan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Julai 1996 yang bersetuju dengan cadangan penyusunan semula Mahkamah-Mahkamah Syariah seluruh Malaysia.

Kertas kajian dan cadangan telah dihasilkan oleh jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tun Ahmad Sarji bin Hamid, Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu. Hasil daripada kajian jawatankuasa ini telah memperakukan beberapa cadangan termasuk penubuhan Jabatan di peringkat persekutuan iaitu Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sebagai penyelaras kepada usaha-usaha penyelarasan dan penyeragaman pengurusan serta pentadbiran Mahkamah Syariah semua negeri.


Perasmian penubuhan Jabatan ini telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Paduka Dr Abdul Hamid bin Othman, Menteri di Jabatan Perdana Menteri pada 15 Disember 1998.

Pada awal penubuhannya, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia hanya mempunyai 15 jawatan yang diketuai oleh Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie dan beberapa orang pegawai yang terdiri daripada Ketua Pendaftar, Pendaftar, Pegawai Tadbir dan Diplomatik serta beberapa orang pegawai sokongan yang lain. Setelah setahun beroperasi dengan tenaga kerja untuk merealisasikan visi, misi objektif, fungsi dan piagam pelanggan yang amat terhad, maka Jabatan telah memohon beberapa jawatan lagi daripada Jabatan Perkhidmatan Perkhidmatan Awam (JPA). Pada tahun 1999, Kementerian Kewangan telah meluluskan 6 jawatan melalui Waran Perjawatan Bil. A34 Tahun 1999. Seterusnya Kementerian Kewangan meluluskan lagi jawatan tambahan melalui Waran Perjawatan Bil. A10 Tahun 2002 kepada JKSM, dengan pertambahan sebanyak 91 jawatan baharu. Bilangan perjawatan di JKSM terus bertambah saban tahun menerusi Waran Perjawatan yang diterima iaitu Waran Perjawatan Bil. A31/2004, Waran Perjawatan Bil. A96/2005, Waran Perjawatan Bil. A89/2006 dan Waran Perjawatan Bil. A62/2008. Ini menjadikan jumlah keseluruhan perjawatan sehingga tahun 2009 adalah sebanyak 377; merangkumi Kumpulan Pengurusan Tertinggi, Pengurusan dan Profesional, Sokongan I dan Sokongan II.

Satu bahagian baharu iaitu Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) telah diwujudkan di JKSM. Kewujudan BSK adalah hasil dari keputusan yang dicapai semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam (MKI) Kali Ke-47 pada tahun 2007 yang dipengerusikan oleh Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, YAB Perdana Menteri pada ketika itu.

Lokasi pertama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia terletak di Aras 3, Bangunan Sulaiman, Jalan Damansara, Kuala Lumpur. JKSM kemudiannya berpindah ke Aras 3, Perpustakaan Awam Bahagian Hal Ehwal Islam (BAHEIS), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Selepas itu, pada Jun 1999, JKSM berpindah ke Aras 6 Rumah Persekutuan Kuala Lumpur. Seterusnya pada Jun 2001 berpindah ke Aras 2-3 Blok D7, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

# CARTA ORGANISASI



## **FUNGSI DAN PERANAN**

1. Mengendalikan kes-kes Mahkamah Rayuan Syariah di Malaysia;
2. Menggubal dasar dan strategi untuk mempertingkatkan prestasi Mahkamah Syariah negeri-negeri;
3. Menyelaraskan prosedur kehakiman untuk diterima pakai di negeri-negeri;
4. Mengawal dan menilai program dan aktiviti-aktiviti Mahkamah Syariah negeri-negeri yang menerima pakai skim Perkhidmatan Gunasama Pegawai Syariah Persekutuan;
5. Membina dan menyelaraskan kaedah-kaedah dan Arahan Amalan serta peraturan kepada semua pegawai syariah di JKSM, negeri-negeri dan lain-lain agensi berkaitan;
6. Membangun, menyelaras dan mentadbir penggunaan sistem maklumat elektronik di JKSM, negeri-negeri dan agensi berkaitan;
7. Menguruskan pembangunan dan keperluan modal insan di JKSM, negeri-negeri dan agensi berkaitan;
8. Membangunkan pusat sumber maklumat dan penerbitan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah bagi menyediakan bahan-bahan rujukan ilmiah kepada pegawai syariah di seluruh Malaysia dan orang awam;
9. Melaksanakan penyelidikan berkaitan sistem perundangan dan kehakiman syariah sesuai dengan perkembangan semasa;
10. Mengawal selia perintah nafkah yang dikeluarkan oleh Mahkamah Syariah melalui tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah;
11. Menyalurkan pendahuluan nafkah kepada pelanggan yang layak sementara tindakan penguatkuasaan dan pelaksanaan perintah diselesaikan di Mahkamah Syariah; dan
12. Menyediakan perkhidmatan BSK Transit kepada pelanggan Mahkamah Syariah di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya.

## **PUNCA KUASA**

Punca kuasa bagi JKSM untuk melaksanakan fungsi dan peranannya adalah seperti berikut :-

1. Keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Julai 1996 - penubuhan JKSM;
2. Perlembagaan Persekutuan;
3. Akta/Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
4. Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
5. Akta Tatacara Mal Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Negeri-negeri;
6. Akta Tatacara Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri;
7. Akta Kesalahan Jenayah Wilayah Persekutuan dan Negeri-Negeri;
8. Akta Keterangan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan negeri-Negeri;
9. Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355] ; dan
10. Mesyuarat Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam (MKI) Kali Ke-47 Tahun 2007 – penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga;

## **STAKEHOLDERS DAN PELANGGAN**

Pelanggan JKSM terdiri daripada pelanggan luaran, pelanggan dalaman dan pelanggan yang berkepentingan.

- 1) Pelanggan Dalaman – semua pegawai dan kakitangan JKSM.
- 2) Pelanggan Luaran
  - i. Pegawai Syariah;
  - ii. Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri seluruh Malaysia; dan
  - iii. Orang Awam.
- 3) Pelanggan yang berkepentingan
  - i. *Stakeholders* – Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Timbalan Ketua Setiausaha Kanan JPM;
  - ii. Pegawai di bawah Skim Perkhidmatan Pegawai Syariah; dan
  - iii. Kerajaan-kerajaan Negeri dan Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain yang ada urusan secara langsung atau tidak secara langsung seperti Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Peguam Negara, Jabatan Bantuan Guaman, Jabatan Agama Islam Negeri dan sebagainya.



## VISI

### **Memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam Sistem Kehakiman dan Perundangan Negara.**

Visi yang diperaku JKSM adalah mengambil kira elemen SMART iaitu pengkhususan (*specific*), keboleh-ukuran (*measurable*), keboleh-laksanaan (*achievable*), realistik (*realistic*) dan tempoh pelaksanaan (*timeliness*). Penerangan elemen SMART adalah seperti berikut :-

*Specific* : Sentiasa memartabatkan Institusi Kehakiman Syariah dalam sistem kehakiman dan perundangan Negara.

*Measurable* : melalui penyeragaman undang-undang, Arahan Amalan, Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan keberkesanan pengurusan kes mahkamah rayuan Syariah.

*Achievable* : Agensi yang berkait rapat dengan pentadbiran kehakiman Syariah.

*Realistic* : Responsif terhadap Visi dan Misi JKSM

*Timeliness* : Tempoh 2015 - 2017

## **MISI**

### **Meningkatkan Kecekapan dan Keseragaman Dalam Sistem Pentadbiran Kehakiman Syariah di Seluruh Malaysia.**

Misi yang diperaku JKSM adalah mengambil kira elemen 3W1H iaitu apa (*what*), siapa (*who*), kenapa (*why*) dan bagaimana (*how*). Penerangan elemen 3W1H adalah seperti berikut :-


- What* : Sistem pentadbiran kehakiman yang cekap dan seragam
- Who* : Pegawai dan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia
- How* : Mewujudkan sistem pentadbiran yang cekap dan seragam melalui pewujudan Arahan Amalan, Kaedah-kaedah Mahkamah Syariah dan pengurusan kes rayuan.
- Why* : Kecekapan dan keseragaman ini akan memertabatkan institusi kehakiman Syariah.

## **MOTO**

### **Syariah Asas Keadilan**

Moto yang diperaku JKSM digunakan oleh semua Jabatan Kehakiman Syariah Negeri dan Mahkamah Syariah Negeri seluruh Malaysia. Keseragaman moto Jabatan ini adalah bersesuaian dengan fungsi dan peranan JKSM.

## STRUKTUR JAWATANKUASA PEMANDU INOVASI JKSM



## TERAS PEMBUDAYAAN INOVASI JKSM

Bagi mencapai matlamat dan objektif pembudayaan inovasi di kalangan seluruh warga JKSM, strategi pembudayaan telah dirangka berasaskan 4 (empat) teras utama iaitu pengamalan, pengetahuan, perkongsian dan penghargaan. Empat teras utama tersebut adalah seperti berikut :-

i) Pengamalan

Inisiatif-inisiatif di bawah teras pengamalan adalah untuk memastikan segala ilmu pengetahuan yang diperolehi mengenai kreativiti dan inovasi perlu diamalkan untuk mengekal dan melestari pembudayaan inovasi di JKSM.

ii) Pengetahuan

Inisiatif-inisiatif di bawah teras pengetahuan adalah untuk memastikan bahawa kesemua warga JKSM mendapat pengetahuan yang tepat, berasaskan sumber yang sahih mengenai kepentingan inovasi dibudayakan di JKSM.

iii) Perkongsian

Inisiatif-inisiatif di bawah teras pengetahuan adalah untuk memastikan bahawa kesemua aktiviti berkaitan inovasi yang berlaku samada di JKSM ataupun di luar dikongsi bersama warga untuk terus menyuburkan budaya inovasi.

## Strategi Pengamalan

Inisiatif Inovatif	Tindakan (Diskripsi Inisiatif)	Tempoh Pelaksanaan	Indikator Pencapaian	Pasukan Pelaksana
<b>Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK)</b>	Melaksanakan projek KIK mengikut perancangan	Pertandingan KIK setahun sekali	- Projek KIK JKSM menyertai pertandingan KIK peringkat JPM.	BKPSM
<b>Hari Inovasi</b>	Menyertai Hari Inovasi peringkat Jabatan Perdana Menteri	Sekali Setahun	- Jumlah pemakaian produk inovasi JKSM.	BKPSM
<b>I-Share (Mesyuarat Bahagian)</b>	Menjadikan perkongsian Inovasi sebagai satu agenda Mesyuarat Bahagian	Sebulan Sekali	Satu idea inovasi setiap kali mesyuarat.	Setiap Bahagian
Bank Idea	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mewujudkan <a href="http://inovasi.jksm.gov.my">http://inovasi.jksm.gov.my</a> bagi cadangan idea inovasi</li> <li>Mengumpul cadangan inovasi daripada Warga JKSM</li> </ul>	Sepanjang Tahun	<ul style="list-style-type: none"> <li>Dapat dicapai oleh semua Warga JKSM.(100% pencapaian)</li> <li>Bilangan idea inovasi yang dikemukakan (sekurang-kurangnya 10 idea sebulan)</li> </ul>	BKPSM

## Strategi Pengetahuan

Inisiatif Inovatif	Tindakan (Diskripsi Inisiatif)	Tempoh Pelaksanaan	Indikator Pencapaian	Pasukan Pelaksana
Memantapkan program berbentuk pengetahuan dan kesedaran	a) i-Tazk (slot inovasi sahaja) (tazkirah mingguan/bulanan mengenai inovasi)	4 kali sebulan (setiap hari Jumaat)	Peningkatan dalam pengetahuan/ Kesedaran melalui skor yang dibangunkan (sebelum dan selepas)  Edaran borang soal selidik kepada warga JKSM	BKPSM BDP
	b) PETIKS (memapar dan mempromosikan Pelan Tindakan Inovasi Jabatan di Laman Web/Portal)	4 Kali Setahun	Jumlah kekerapan pengemaskinian maklumat terkini berkaitan inovasi.  Jumlah penggunaan portal secara interaktif.	BKPSM
	c) <i>Inno-Bench</i> (Lawatan penanda arasan ke organisasi yang mendapat pengiktirafan berkaitan) inovasi)	Sekurang-kurangnya sekali setahun.	Bilangan produk inovasi yang dapat diaplikasikan di JKSM.	BKPSM BL UKK
	d) Program <i>Innovator-Innovatee</i>	6 bulan setahun	Peningkatan tahap kompetensi dalam menjana idea kreatif dan inovatif di kalangan <i>innovatee</i> .	BKSPM BL

	(Perkongsian kaedah menjana idea inovasi antara <i>innovator</i> dan <i>innovatee</i> )			
--	---	--	--	--



## Strategi Perkongsian

Inisiatif Inovatif	Tindakan (Diskripsi Inisiatif)	Tempoh Pelaksanaan	Indikator Pencapaian	Pasukan Pelaksana
<b>i-QRA</b>	Melibatkan warga JKSM dengan menjemput pegawai JKSM atau penceramah jemputan.	3 kali setahun	Peningkatan dalam tahap keyakinan pegawai JKSM dalam berbicara mengenai inovasi	BKPSM
<b>Inno-share</b>	Menghebahkan kejayaan/aktiviti/ pencapaian kepada warga JKSM melalui emel	1 bulan sekali	Peningkatan dalam tahap motivasi <i>innovator</i> yang terlibat	BKPSM
<b>Innotice</b>	Memaparkan informasi mengenai inovasi kepada warga melalui saluran dalaman ( <i>iBoard</i> / Papan Kenyataan)	1 kali sebulan	Kadar kesiapsagaan ( <i>alertness</i> ) mengenai isu-isu berkaitan inovasi di JKSM	BKPSM/ BTMK
<b>Inno-Bling</b>	Memaparkan informasi di laman sesawang dan portal JKSM	1 kali sebulan	Peningkatan dalam pengetahuan warga JKSM dan orang awam mengenai inovasi JKSM	BKPSM/ BTMK
<b>Sudut Inovasi</b>	Memaparkan aktiviti inovasi JKSM di lokasi yang sesuai	Julai hingga Disember	Peningkatan dalam minat untuk mendapatkan maklumat mengenai inovasi	BKPSM

<b>Inisiatif Inovatif</b>	<b>Tindakan (Diskripsi Inisiatif)</b>	<b>Tempoh Pelaksanaan</b>	<b>Indikator Pencapaian</b>	<b>Pasukan Pelaksana</b>
<b>Buku Nota Inovasi</b>	Mengedarkan buka nota / Q&A kepada warga JKSM	1 kali setahun	Peningkatan dalam pengetahuan dan kesedaran warga JKSM mengenai inovasi.	BKPSM / BPSMP
<b>Penerbitan KS-<i>Innovator</i></b>	Menerbitkan buku/bulletin mengenai inovasi	2 kali setahun	Peningkatan dalam tahap motivasi warga JKSM yang terlibat dalam inovasi	BKPSM /BPSMP

## Strategi Penghargaan

Inisiatif Inovatif	Tindakan (Diskripsi Inisiatif)	Tempoh Pelaksanaan	Indikator Pencapaian	Pasukan Pelaksana
<b>Pemberian Sijil Penghargaan</b>	<p>Pemberian Sijil Penghargaan akan dilaksanakan secara berkala setiap 6 bulan.</p> <p>Pemilihan di buat melalui jawatankuasa pemilihan yang terdiri daripada Ketua pendaftar dan Pengarah-Pengarah Bahagian</p>	Sekali setiap 6 bulan	<p>4 (empat) penerima <i>innovator enabler</i> akan menerima sijil penghargaan bagi setiap siri yang dijalankan.</p> <p>Meningkatkan motivasi kakitangan dalam menjayakan program inovasi yang dirangka</p>	Jawatankuasa pemilihan yang terdiri daripada Ketua Pendaftar dan Pengarah-Pengarah Bahagian.
<b>Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)</b>	Mewujudkan kuota penganugerahan APC bagi kakitangan yang menyumbang kepada program inovasi	Sekali setahun	<p>Minima 5 (lima) orang penerima APC daripada kalangan <i>innovator</i>.</p> <p>Memberi isyarat kepada semua warga bahawa dengan menjadi seorang <i>innovator</i> JKSM akan memberi penghargaan</p>	BKPSM
<b>Sisipan profil</b>	Mewar-warkan usaha-usaha inovasi yang telah dilaksanakan oleh <i>innovator / enabler</i> bagi menghargai sumbangan mereka	Setiap Keluaran	<p>2 kali setahun</p> <p>Mempromosi dan menggalakkan budaya inovasi dalam kalangan kakitangan JKSM</p>	BKPSM / BPSMP

## **PENUTUP**

Pelan Tindakan Inovasi 2015 - 2017 ini diharap dapat memberikan halatuju dan dasar baru serta strategi dalam membudayakan inovasi di JKSM. Kejayaan dalam melaksanakan pelan tindakan ini amat memerlukan kerjasama dan komitmen daripada semua peringkat sama ada pengurusan atasan mahupun pegawai dan kakitangan sokongan JKSM.

Disediakan oleh:  
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia,  
JKSM

2015

